

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
KAWASAN : HULU LANGAT

SOALAN:

YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan pembangunan Lebuhraya 'East Klang Valley Express' (EKVE) dan adakah ia telah memberi kesan negatif terhadap alam sekitar sebagaimana yang didakwa oleh kumpulan atau NGO tertentu memandangkan ia melalui banyak hutan simpan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2016, projek pembinaan projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) telah mencapai kemajuan 15%. Berdasarkan kontrak perjanjian, lebuhraya sepanjang 36km itu dirancang akan disiapkan pada bulan September 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Terperinci Penilaian Alam Sekitar (DEIA) untuk projek EKVE – di mana 1/3 daripada jajaran lebuhraya ini akan merentasi sebahagian kawasan hutan simpan di Gombak dan kawasan tadahan air di Ampang – telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 25 April 2013. Pada masa kini kerja-kerja pembinaan di kawasan hutan simpan berkenaan

telah dimulakan pada bulan Ogos 2016, iaitu setelah mendapat kelulusan daripada JAS Selangor.

Sehubungan itu pembinaan di kawasan sensitif tersebut sentiasa dipantau oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan JAS di mana pihak kontraktor perlu mematuhi syarat-syarat Penilaian Alam Sekitar (EIA) dan amalan kejuruteraan terbaik untuk alam sekitar. Ini termasuklah keperluan mengadakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen (ESCP), Pelan Pengurusan Risiko (RMP) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) di kawasan berkenaan.

Sekian. Terima kasih.